

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 4. BIL. 4.

BANDAR BRUNEI, RABU, 18 FEBRUARY, 1959 (10 Sha'ahan 1378)

PERCHUMA

Jambatan Edinburgh untok mengingatkan lawatan ka-Brunei JADUAL PENOH LAWATAN DUKE

BANDAR BRUNEI.—Persedian2 untok meraikan Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh dalam lawatan-nya yang pertama kali ka-Brunei pada 28 February ini sedang di-ator oleh Jawatan Kuasa Lawatan Diraja Bandar Brunei dan Seria.

Duke itu akan sampai di-Bandar Brunei dari Seria pada sa-belah petang hari sa-telah melawat beberapa tempat di-kawasan padang minyak Seria.

Lawatan Duke ka-Brunei akan di-ingati sa-lama2-nya kerana dalam perarakan kereta dari lapangan terbang Berakas ka-Istana Darul Hana, Duli Yang Maha Mulia akan menjemput Duke turun memotong peta jambatan baharu Sungai Kedayan yang menghubungkan jalan baharu dari Bandar Brunei ka-Seria dan Kuala Belait.

Jambatan itu ia-lah satu dari empat buah jambatan baharu berharga \$2,219,000 yang di-bena di-bawah perengkat pertama ranchangan jalan dan jambatan yang akan memakan belanja sa-banyak \$70,000,000 ke-lak.

Jambatan baharu itu akan dinamakan "Edinburgh Bridge" atau Jambatan Edinburgh dan akan menjadi kenangan untok sa-lama2-nya atas lawatan Duke itu ka-negeri ini.

Jadual penoh lawatan Duke ka-Brunei ia-lah saperti berikut :
9.20 pagi — Yang Teramat Mulia Duke sampai di-Padang Kapal Terbang Anduki. Di-sambut oleh Yang Berhormat Tuan D. C. White O.B.E. British Resident Brunei.

9.30 pagi — Yang Teramat Mulia itu di-bawa melawat ka-tempat2 menggali telaga minyak.


10.20 pagi — Meninggalkan tempat menggali minyak dan melawat ka-Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Brunei, Seria. Yang Teramat Mulia memeriksa sekolah itu.

10.40 pagi — Yang Teramat Mulia itu di-bawa dengan land rover yang tidak beratap ka-Padang Marina kerana menyaksikan Youth Rally.

10.55 pagi — Bertolak dari padang itu pergi ka-Klab Panaga menghadiri majlis sambutan khas.

12.30 petang — Bertolak dari Klab Panaga ka-rumah Managing Director Sharikat Minyak Brunei, Yang Berhormat Tuan R. E. Hales untok jamuan makan tengah hari.

Persidangan khas Majlis Meshuarat Negeri



Dari kiri: Pehin Orangkaya Laksmmana H. M. Taha, Pehin Jawatan Dalam Haji M. Noor, Inche Marsal bin Maun, Pengiran Haji Abu Bakar, Dato Panglima Bukit Gantang Haji Abdul Wahab, Duli Yang Maha Mulia, Duli Pengiran Pemancha Haji Mohamed Alam, Pehin Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim, Pengiran M. Ali, Pengiran M. Yusuf dan Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad.

2.40 petang — Yang Teramat Mulia (dengan uniform) bertolak dari Padang Kapal Terbang Anduki ka-Brunei.

3.00 petang — Kapal terbang Yang Teramat Mulia Duke tiba di-Lapangan Terbang Brunei.

Di-sini Yang Teramat Mulia itu disambut oleh DYMM Sultan dan Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Brunei Dato Paduka Sir Anthony Foster Abell. Yang Berhormat Tuan D. C. White British Resident Brunei menemani Yang Teramat Mulia di-kapal terbang.

3.02 petang — Tembakan senapan 21 das. DYMM Sultan menjemput Yang Teramat Mulia Duke memeriksa barisan kehormatan. Yang Teramat Mulia mungkin memeriksa barisan Pancharagam baharu Polis Brunei.

3.05 petang — Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri di-perkenalkan oleh British Resident kepada YTM Duke.

3.10 petang — Perarakan kereta : 1. Dalam kereta Daimler DYMM ia-lah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Teramat Mulia Duke; 2. Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Brunei; Setiausaha Sulit Duke; Detective 3. British Resident 4. Duli Pengiran Bendahara; 5. Duli Pengiran Pemancha; 6. Pehin Duli Duke.

3.11 petang — Kereta2 berlepas. Budak2 pengakap, pandu puteri, palang merah dan murid2 sekolah berbaris sa-panjang jalan yang dilalui rombongan Diraja itu.

3.26 petang — Duli Yang Maha Mulia menjemput Yang Teramat

(Lihat Muka 3)

SULTAN KETUA ROMBONGAN

BANDAR BRUNEI.—Rang perlembagaan Negeri Brunei yang bertulis itu akan di-semak sa-kali lagi pada hujung bulan ini sa-belum di-kemukakan kepada Setiausaha Tanah Jajahan British, Tuan Alan Lennox-Boyd di-London.

Penasihat Undang2 rombongan perlembagaan Brunei ka-London, Dato Panglima Bukit Gantang Haji Abdul Wahab, sa-orang peguam dari Persekutuan Tanah Melayu, di-jangka akan sampai ka-Brunei pada hari Sabtu ini untok menjalankan tugas-nya.

Rang yang telah di-semak dan di-halusi itu akan di-bentangkan dalam Majlis Meshuarat Negeri untok mendapat keputusan mu'tamad sa-belum rombongan itu bertolak ka-London dengan kapal terbang dalam pertengahan bulan March.

Rombongan itu akan di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia sendiri dan ahli2-nya terdiri dari sembilan orang ahli Majlis Meshuarat Negeri.

Dato Panglima Bukit Gantang akan kembali ka-Malaya sa-telah menjalankan tugas-nya di-sini. Beliau akan menyertai rombongan ka-London itu di-Singapura.

Rombongan perlembagaan Brunei itu akan di-sertai juga oleh British Resident Brunei, Yang Berhormat Tuan D. C. White dan Timbalan Penasihat Undang2 Brunei. Mereka di-jadualkan berlepas ka-London terlebih dahulu dari rombongan itu.

Ahli2 rombongan itu ia-lah : Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Haji Mohamed Alam, Pehin Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim, Pehin Orangkaya Shahbandar Haji Ahmad Pengiran Ali, Pengiran Haji Abu Bakar, Inche Marsal bin Maun Pengiran M. Yusuf, Pehin Jawatan Dalam Haji Mohd Noor dar Pehin Orangkaya Laksmmana Haji M. Taha.

Pehin Orang Kaya Sanggamara Setia Diraja Dato Paduka Abbas akan menyertai rombongan itu sa-bagai juruiring kepada Duli Yang Maha Mulia.

MAYAT DALAM TANGKI NAJIS

SERIA. — Dua orang perempuan bangsa Melanau sedang ditahan oleh Polis berhubung dengan kematian sa-orang kanak2 perempuan yang telah di-jumpai mati dalam sa-buah tempat membuang najis yang tidak digunakan lagi di-Seria, kira2 100 ela dari rumah-nya pada 11 February.

Kanak2 perempuan itu, Phyllis Beverly Archer, bangsa Serani, berumur 10 tahun telah hilang dari rumah-nya di-Lorong 14 Seria pada petang hari Ahad 8 February, 1959.

Sasudah ayah-nya memberi tahu Polis, penyiasatan telah dijalankan dan Polis telah berjumpa dengan mayat kanak2 yang malang itu.

Sa-telah di-jalankan penyiasatan, Polis telah menahan dua orang perempuan dan sa-orang laki2, tetapi laki2 itu telah di-bebaskan.

PERSIDANGAN TALIKOM

BANDAR BRUNEI. — Ketua Pejabat Talikoms, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Mohamed telah tiba sa-mula di-Brunei pada 14 haribulan ini dengan kapal terbang sa-telah berada beberapa hari lama-nya di-Singapura.

Pengiran Kerma Indera telah pergi ka-Singapura sa-bagi wakil Negeri Brunei dalam persidangan Talikoms Bahagian yang telah di-adakan pada 12 February.

Persidangan itu telah di-hadiri oleh wakil2 dari Borneo Utara, Sarawak, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.

Kapal Terbakar Di-Pelabohan

BANDAR BRUNEI. — Satu kebakaran yang tiba2 telah berlaku di-Bandar Brunei baharu2 ini ka-atas sa-buah kapal kerajaan Brunei yang di-punyai oleh pejabat kerjaraya. Kapal yang malang itu ia-lah l.t.c.—Nakhoda Manis.

Kapal itu sedang berlaboh berdekatan dengan kapal Lian Hin yang sedang memunggah batu di-tambatan kapal Brunei. Pada waktu itu tidak ada sasiapa di-atas kapal Nakhoda Manis itu, dan api itu telah nampak pada mula2nya oleh salah sa-orang dari kapal Lian Hin.

Antara barang2 yang terbakar di-kapal itu ia-lah 22 bandela barang2 kepunyaan Tuan B. Bond dan Tuan G.J. Cliff yang

MAKTAB LATEHAN GURU2 MELAYU BRUNEI

BERAKAS. — Bangunan baharu Maktab Perguruan Brunei telah di-buka baharu2 ini apabila 40 orang penuntut tahun kedua dan ketiga pindah dari bilek darjah sementara maktab itu di-bangunan sekolah menengah Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei ka-bangunan baharu maktab itu di-Berakas.

Pembukaan itu telah di-langsungkan sa-chara tidak rasmi kerana kawasan dan bangunan2 lain maktab itu maseh lagi dalam pembeanaan.

Tarikh pembukaan rasmi-nya belum lagi di-tetapkan tetapi di-jangka akan di-langsungkan sa-baik sahaja bangunan2 itu siap dalam bulan April, sa-lepas chuti Hari Raya Puasa yang akan datang ini.

Penuntut2 tahun kedua dan ketiga itu telah di-sertai oleh penuntut2 tahun pertama sa-ramai 24 orang yang telah sampai pada 21 January lepas dari seluroh Negeri Brunei.

Ini-lah kali pertama-nya maktab yang ujud pada awal tahun 1956 itu mendapat bilangan penoh penuntut2 yang terdiri dari penuntut2 tahun pertama, kedua dan ketiga.

Sa-hingga bangunan asrama maktab itu siap, penuntut2 akan terus di-tumpangkan di-asrama S.O.A.S. College, tetapi oleh sebab kekurangan tempat 24 orang penuntut tahun pertama yang baharu sampai itu di-tempatkan di-sabua rumah kajang dekat college itu.

"Rumah kajang itu-lah bangunan pertama Maktab Perguruan Brunei sa-belum pindah ka-S.O.A.S. College," kata Tuan James Pearce, Pengetua.

Penuntut2 yang menumpang di-asrama S.O.A.S. College dan bangunan lama maktab itu di-angkut pergi balek ka-maktab baharu itu dengan sa-buah bus Pejabat Pekajaran.

Undang2 Penchen

Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam meshuarat telah mengisih-tiharkan bahawa Undang2 Penchen 1957 itu akan berjalan kuasanya mulai 1 March hadapan ini.

Pengumuman itu telah di-buat mengikut bab 1 Undang2 Penchen, 1957.

PERHIMPUNAN PEMUDA DAN CADET SAMBUT DUKE

SINGAPURA. — Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh akan memeriksa satu perhimpunan kanak2 sa-ramai 5,000 orang dalam masa lawatan-nya sa-lama tiga hari pada hujung bulan ini.

Perhimpunan itu telah di-ranchangkan untok di-adakan pada 23 February ia-itu hari kedua lawatan Duke. Sa-belum memeriksa perhimpunan kanak2 itu Duke akan memeriksa barisan kehormatan cadet.

Duke akan menaiki sa-buah land rover apabila mereka barisan kanak2 itu.

Kumpulan pemuda barisan itu akan mengadakan pertunjukan kountai, dan tarian2 Indian dan Melayu.

MURID2 DI-SEKOLAH KAJANG

BANDAR BRUNEI. — Lebih 200 orang murid Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah telah di-pisahkan dari bangunan sekolah itu untok belajar di-bilek2 darjah dalam sa-buah rumah kajang yang berhampiran di-situ.

Langkah ini telah di-ambil kerana bilangan murid2 perempuan yang telah di-terima masuk ka-sekolah itu tersangat ramai dari yang sudah2.

Pengetua sekolah tersebut, Puan Zaitonah binti. Abdul Khan, berkata kapada Pelita Brunei bahawa bilangan murid pada masa ini ia-lah 805 orang. Pada akhir tahun yang lalu murid2 sekolah itu hanya berjumlah 504 orang sahaja.

"Oleh sebab kekurangan bilek2 darjah hampir 200 orang dari darjah 2, 3 dan 4 telah di-pisahkan ka-bangunan kajang itu," kata Puan Zaitonah.

Bilangan kanak2 perempuan yang menuntut di-sekolah Raja Isteri Fatimah telah bertambah ramai, sa-tahun demi sa-tahun.

Murid2 yang telah lulus peperiksaan darjah empat di beri peluang memasoki sekolah Inggeris kerajaan, Sekolah Tinggi Raja Isteri di-sini.

Pada awal tahun ini delapan orang murid yang telah lulus darjah empat telah berjaya dalam ujian dan di-terima masuk

SANDIWARA DI-KOLEJ

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Musik Sultan Omar Ali Saifuddin College di-sini akan mempersembahkan opera Hansel and Gretal di-dewan college itu pada 20 dan 21 February ini.

Pada 19 February persatuan itu akan mengadakan pertunjukan khas kerana penuntut2. Bayaran masuk kerana pertunjukan khas itu ia-lah 50 sen sa-orang.

Opera itu mengesahkan dua orang kanak2 miskin yang telah sesat di-dalam hutan. Mereka itu telah di-tawan oleh sa-orang perempuan tua penunggu hutan itu dan di-jadikan-nya dua keping roti untok makanan-nya.

Akan tetapi Hansel dan Gretal mengetahui maksud perempuan tua itu dan mereka telah berjaya menjauhi mala petaka itu.

Opera itu penoh dengan nyanyi dan tarian dan sangat di-gemari di-Eropah semenjak lebeh dari 50 tahun.

menjadi murid sekolah Tinggi Raja Isteri.

Dalam pada itu usaha memberi pelajaran tinggi kapada murid2 di-sekolah itu telah di-jalankan. Murid2 perempuan darjah lima dari Sekolah SMJA sekarang ini di-tempatkan disekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.


CHUAI BAWA KERETA

BANDAR BRUNEI. — Dua orang driver kereta telah di-denda \$50 sa-orang atau penjara dua minggu oleh Magistrate Tuan R. G. P. N. Combe, dalam mahkamah Polis Brunei baharu ini atas tuduhan chuai membawa kereta.

Driver2 itu ia-lah Tali bin afar dan C.B. Lonan.

Sa-lain dari denda, Tali bin afar di-tegah membawa kereta sa-lama tiga tahun dan Lonan juga tidak di-benarkan membawa kereta sa-lama itu.

KECHEKAPAN PASOKAN BOMBA KERAJAAN



Saperti lain2 negeri, Brunei juga mempunyai pasokan bomba yang chergas menjaga keselamatan nyawa dan harta dari kebakaran. Ahli2 pasokan itu bersedia siang dan malam untuk menjalankan tugas mereka menentang kebakaran.

Pasokan itu beribu pejabat di Balai Police, Bandar Brunei buat sementara ini kerana ahli2nya ialah anggota Polis yang di-tugaskan berkhidmat dengan pasokan bomba itu.

Di-Bandar Brunei ada 22 orang anggota polis yang telah menjadi ahli pasokan bomba itu termasuk sa-orang ketua yang berpangkat superintendent. Mereka itu bergilir2 berjaga di-Bandar Brunei dan di-lapangan terbang Brunei di-Berakas.

Satengah2 anggota Polis di-Kuala Belait, Seria, Tutong dan Temburong telah juga di-tugaskan menjadi kaki tangan pasokan2 bomba di-tempat2 tersebut.

Pasokan di-Bandar Brunei itu telah di-lengkapkan dengan dua buah kereta bomba yang moden dan juga jentera2 bomba tambahan yang boleh di-angkat oleh ahli2 pasokan itu.

Sa-lain dari memadamkan api dengan memanchutkan ayer jentera2 bomba itu juga menggunakan bueh kimia yang dipanchutkan dari saloran2-nya untuk memadamkan kebakaran minyak yang lekas merebak itu.

Pasokan2 bomba di-Kuala Belait dan Seria, hanya di-lengkapkan dengan kereta2 bomba kecil sahaja. Ini ia-lah kerana di-Seria Sharikat Minyak BSP ada menyimpan beberapa buah kereta2 bomba besar yang bersedia memberi bantuan apabila kebakaran berlaku di-salah sa-buah bandar itu.


Alatan memadamkan api ada juga di-simpan di-balai2 Polis Tutong dan Temburong.

Kechekapan ahli2 pasokan bomba Brunei telah mendapat pujian apabi-

la mereka memadamkan api di-sabuh tangki besar Pusat Elektrik di-Bandar Brunei yang telah terbakar lebih kurang sa-tahun dahulu.

Gambar di-atas, kiri: Ahli2 pasokan bomba Brunei membuka pesawat memanchutkan ayer dan bueh kimia; kanan, dua orang ahli dengan jentera bomba kecil dan di-bawah ahli2 pasokan itu bersedia hendak menaiki kereta bomba besar. — Gambar GBIS.

Pengiran Muda Melawat Seria



Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanal Bolkiah, putera sulung Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri Brunei serta adinda-nya Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah melawat ka-kawasan padang minyak di-Seria dan Kuala Belait atas jemputan sharikat minyak Brunei Shell Petroleum pada hari Khamis 15 January, 1959.

Putera2 Diraja itu telah di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Di-muliakan Pehin Orang Kaya Perbendaharaan Diraja, Juruiring Duli Yang Maha Mulia, Yang Di-muliakan Pehin Orang Kaya Sanggamara Diraja, Yang Mulia Pengiran Muda Chuchu Besar dan sa-orang putera Duli Pengiran Bendahara.

Rombongan tersebut telah berlepas dari lapangan terbang Bera-

kas, Brunei pada pagi hari tersebut dan balek ka-Bandar Brunei pada petang-nya dengan kapal terbang "Prince" kepunyaan sharikat minyak itu.

Dalam lawatan tersebut, putera2 Diraja itu telah melawat ka-sekolah pertukangan sharikat minyak di-Seria, melihat kawasan2 Seria dan Belait dari udara dan lain2 tempat.

Gambar Jabatan Penerangan (Lihat muka 6)

PELITA BRUNEI

Bandar Brunei,
Rabu, 18 Feb., 1959.

PERANTARAAN PERHUBONGAN RA'AYAT

Dengan keluaran Pelita Brunei bilangan 4 tahun 4 ini Pejabat Penerangan Negeri Brunei adalah menepati janji-nya pada masa merancang penerbitan akhbar ini dalam bulan February 1956 hendak mengedarkan kepada ra'ayat sa-buah akhbar yang di-chetak dalam huruf Rumi dan bahasa Melayu yang mudah di-fahamkan.

Pelita Brunei yang di-chetak ini sungguh pun mengandungi delapan lembar seperti keluaran yang sudah2 yang di-taip sahingga keluaran 1 haribulan ini tetapi isi-nya adalah hampir delapan kali ganda banyak-nya dari keluaran yang lampau.

Di-antara kandungan baharu-nya ia-lah warta berita dunia, halaman kaum ibu dan halaman gambar yang tidak dapat di-muatkan dalam keluaran yang sudah2 kerana kesempitan ruangan.

Sungguh pun demikian, bentuk Pelita Brunei yang baharu ini belum sempurna lagi dan masih banyak kekurangan. Pejabat Penerangan sa-bagai penerbit-nya adalah sedia menyambut tegoran dan chadangan2 yang membena daripada pembaca2 baik dari kalangan rasmi atau pun tidak rasmi untuk membaiki lagi bentuk dan menambah kandungan-nya supaya Pelita Brunei ini dapat di-jadikan chermin yang sa-benar2-nya membayangkan hasrat Kerajaan Negeri Brunei terhadap kebahagiaan negeri dan ra'ayat.

Kebanyakan warta berita dalam negeri di-petek dari siaran2 kerajaan, satu perkara yang sudah tentu tidak sa-suai dengan sa-buah surat khabar yang sa-lain dari memberi penerangan tentang dasar kerajaan ada-lah juga di-tugaskan menyiarkan berita2 berkenaan dengan kejadian2 di-kampung dan cherok rantau pendalaman negeri supaya penduduk2 di-satu tempat dapat mengetahui hal ahwal penduduk2 di-tempat lain dalam negeri ini menerusi ruangan akhbar ini.

Dalam perkara ini Pejabat Penerangan Negeri Brunei berharap agar pembaca2nya bermurah hati menyampaikan kepada Pelita Brunei berita2 mengenai ra'ayat untuk di-muatkan dalam ruangan-nya bagi pengetahuan ramai.

Saperti yang sudah2 Pelita Brunei akan terus di-terbitkan dua kali sa-bulan tetapi pada hari Rabu pertama dan ketiga tiap2 bulan tidak lagi pada 1 dan haribulan 15. Selain dari itu ketentuan sudah juga di-buat untuk menyampaikan Pelita Brunei kepada penduduk2 negeri ini pada hari ia di-terbitkan.

Jawatan Kuasa Rancangan Jadual Lawatan BRUNEI AKAN MENYAMPUT DUKE CHARA BESARAN

Pada hujung bulan ini Yang Teramat Mulia Prince Philip, Duke of Edinburgh, suami Baginda Queen di-jadualkan sampai ka-Brunei dalam lawatan-nya ka-negeri2 Commonwealth yang akan mengambil masa sa-lama tiga bulan lebeh mulai dari 20 January lepas, ia-itu tarikh Duke itu berangkat dari United Kingdom dengan kapal terbang.

Dalam lawatan yang akan tamat pada 30 April itu, Duke of Edinburgh akan singgah di-India, Pakistan, Burma, Singapura, Sarawak, Brunei, Borneo Utara, Hongkong, Pulau2 Solomon, Pulau2 Gilbert dan Ellice, Pulau Northern Line dan Pulau2 Bahamas dan Bermuda.

Di-mana2 sahaja Duke itu sampai nanti sambutan yang besar dan meriah akan di-adakan kerana mengalu2kan kedatangan-nya.

Kerajaan Negeri Brunei tidak akan ketinggalan memberi sambutan besar itu dan dua jawatan kuasa satu di-Bandar Brunei dan satu di-Belait-Seria telah ditubuhkan untuk merancang jadual lawatan Diraja itu.

Prince Philip itu ia-lah putera Prince Andrew dan Princess Louis Battenberg of Greece dan telah di-peranakkan di-Corfu, sa-buah kota Greece pada 10 June 1921.

Mengikut titisan keturunan Prince Philip saperti Queen Elizabeth Kedua ia-lah piut Queen Victoria yang telah mangkat dalam tahun 1901.

Prince Philip telah membuang pangkat Diraja-nya dan apabila menjadi warga negara British telah mengambil nama Philip Mountbatten, ia-itu nama sa-orang ahli keluarga ibu-nya yang telah menjadi warga negara British dalam tahun 1868.

Duke itu telah datang ka-Britain sa-masa beliau masih kecil lagi kerana bersekolah. Dari Britain beliau pergi ka-Germany memasuki sekolah Tuan Kurt Hahn di-Salem, tetapi balek ka-Britain bersama Tuan Kurt Hahn apabila puak Nazi yang di-ketuai oleh Hitler itu berkuasa di-Germany. Tuan Kurt Hahn telah mendirikan sa-buah sekolah baharu di-Gordonstoun di-Scotland dan di-sekolah itu-lah Prince Philip meneruskan pelajaran-nya.

Semenjak di-sekolah lagi beliau telah menunjukkan kebolehan-nya menjadi pemimpin dan beliau telah diangkat mengetahui pasokan cricket dan hockey sekolah itu. Beliau juga sa-orang yang di-sukai ramai kerana bukan sahaja ia chekap di-padang permainan tetapi suka berchampur gaul dengan penduduk2 bandar dan kampung2 yang berhampiran dengan sekolah-nya.

Kechenderongan-nya pada perkhidmatan laut telah ternyata sa-masa beliau di-sekolah. Beliau ia-lah sa-orang jurumudi yang chekap dan telah belayar dengan perahu2 layar ka-bebera-

pa buah pulau2 di-utara Scotland dan juga menyeberang dengan perahu layar laut North Sea yang sentiasa bergelora itu ka-Negeri Norway.

Dalam bulan May 1939 Prince Philip telah menjadi cadet Angkatan Laut Diraja di-kolej latehan Angkatan Laut di-Dartmouth di-mana beliau telah memenangi hadiah "King's Dirk" yang di-kurniakan kepada cadet yang chekap sa-kali dalam serba serbi pelajaran dan juga hadiah "Eardley-Howard-Crocket" sa-bagai cadet yang chekap sa-kali dalam penggal latehan itu.

Beliau memulakan perkhidmatan dengan Angkatan Laut Diraja dalam kapal perang "Ramillies" dalam bulan January 1940 dan sa-telah di-tukarkan ka-kapal penjajah "Kent" dan "Shropshire" di-tukarkan pula ka-kapal perang "Valiant", pasokan Laut Mediterranean pada akhir tahun itu.

Dalam peperangan Cape Matapan, beliau telah membuktikan keberanian-nya dan telah mendapat "mention in despatches" atau pujian dalam laporan daripada Laksamana Sir Andrew Cunningham yang sekarang ini menjadi Admiral of the Fleet.

Dalam tahun 1943 beliau mengambil bahagian dari kapal-nya "Wallace" yang telah melindungi gerakan tentera bersekutu mendarat di-Sicily.

Dalam tahun 1944 di-naikkan ka-pangkat First Lieutenant dalam kapal pembina "Whelp" dan berkhidmat di-Timor Jauh menentang Angkatan Laut Jepun dan sa-bagai juruiring kepada Lord Mountbatten, Panglima Angong Tentera Bersekutu di-Tenggara Asia, beliau telah menyaksikan penyerahan Jepun di-Tokyo Bay dalam tahun 1945.

Duke itu telah bertunang dengan Princess Elizabeth, warith takhta Kerajaan British dalam bulan July 1947 dan perkahwinan mereka di-langsungkan pada 20 November. Sa-hari sa-belum istiadat perkahwinan itu King George Kelima telah mengurniakan beliau gelaran Duke of Edin-



Duke of Edinburgh dengan pakaian bangsa Maori, kaum asli New Zealand, menerima persembahan daripada sa-orang perempuan Maori yang menjadi penghulu di-sabuh kampong Maori di-New Zealand. Gambar ini di-ambil pada masa Duke melawat ka-New Zealand beberapa tahun dahulu.

burgh, Earl of Marioneth, Baron Greenwich dan Knight of the Garter.

Sa-lama beberapa tahun sa-lepas perkahwinan Duke itu telah meneruskan perkhidmatan-nya dengan Angkatan Laut Diraja dan telah di-naikkan ka-pangkat Lieutenant Commander dalam tahun 1950.

Semenjak Princess Elizabeth naik takhta kerajaan menjadi Queen Elizabeth Kedua, Duke telah mengambil peranan penting yang makin lama makin banyak dalam segala lapangan kehidupan ra'ayat, khas-nya berkenaan dengan perkembangan sains perusahaan dan sukan.

Dalam ucapan-nya sa-bagai Yang di-Pertua Kesatuan Perkembangan Sains British dalam tahun 1951 beliau telah menegaskan bahawa hasil dari kejayaan sains itu hendak-lah di-tumpukan kerana membaiki darjah kehidupan, keadaan bekerja dan kesihatan ra'ayat.

Kerana kechenderongan-nya pada penyiasatan sains dalam perusahaan, Duke itu telah melawat kalombong2 arang batu, kilang2 dan loji2 untuk mengetahui sendiri akan kehidupan ra'ayat dalam perkembangan perusahaan.

Duke itu mengambil berat dalam perkara2 mengenai pemuda pemudi dan beliau telah di-angkat menjadi Yang di-Pertua Persekutuan Padang2 Permainan Kebangsaan yang bertujuan hendak mendapatkan padang2 permainan yang chukup untuk kanak2 dan pemuda pemudi.

Beliau ia-lah juga sa-orang Laksamana Angkatan Laut, Field Marshal dan Marshal Angkatan Udara Diraja.

Duke itu telah melawat banyak negeri Commonwealth bersama Queen semenjak baginda naik takhta kerajaan. Dalam tahun 1953/54 beliau telah mengiringi Queen melawat ka-Bermuda, Jamaica, Fiji, Tonga, New Zealand, Australia, Ceylon, Uganda, Malta dan Gibraltar.

Pada awal tahun 1956 mereka telah melawat ka-Nigeria dan dalam tahun 1957 ka-Canada dan Amerika Shrikat.


Duke itu sendiri telah melawat ka-beberapa buah negeri di-Eropah dan dalam tahun 1956 beliau telah singgah di-Persekutuan Tanah Melayu dalam perjalanannya ka-Australia kerana membuka sukan Olympic Games di-Melbourne.

Pemuda Ini Ta' Takut Menentang Bahaya

Kebanyakan orang berasa gayat memandang dari kemunchak bangunan dan tangga2 yang tinggi dan jarang2 pula di-dapati orang yang tidak berasa ngeri atau takut menentang bahaya.

Tetapi Mahali bin Mustafa, berumur 30 tahun, sa-orang buroh Pejabat Kerja Raya Brunei adalah terkechuali dari perasaan gayat dan ketakutan menentang bahaya itu.

Kerana keberanian-nya Mahali telah di-kurniakan allowance khas oleh kerajaan sa-banyak \$2 sa-hari dan bayaran khas sa-hingga \$4 sa-jam kerana menjalankan sate-ngah2 tugas yang merbahaya.



Bukan-nya sahaja beliau berani memanjat tetapi Mahali ia-lah sa-orang yang berani menduga laut menchari benda2 dalam laut atau menentukan tempat2 yang rosak pada bahan kapal2.

Sa-lain dari menjalankan tugas yang mengerikan dan merbahaya itu Mahali juga pernah menanggalkan pesawat2 peletup bom Jepun yang maseh "hidup".

Sa-belum berkhidmat sa-bagai buroh Pejabat Kerja Raya, Mahali telah membantu anggah2 askar British menanggalkan pesawat2 bom Jepun yang belum melup di-Brunei.

Beliau telah mengambil baha-gian menanggalkan delapan pesawat peletup bom "hidup" tetapi baharu2 ini sa-butir bom Jepun yang di-jumpai maseh "hidup" di-batu 12 Jalan Tutong telah di-"matikan" oleh Mahali sa-orang.

Mahali telah di-minta memanjat tiang talipon radio di-Bandar Brunei kerana membaiki sadikit kerosakan. Tiang yang menchari langit itu ia-lah 150 kaki tinggi-nya.

Mahali mendapat bayaran khas sa-banyak \$4 sa-jam kerana menyelam dan satu bayaran khas juga di-beri kapada-nya kerana memanjat bangunan dan tiang2 yang lebeh dari 50 kaki tinggi-nya.

Beliau ia-lah sa-orang Melayu Brunei yang telah beristeri dan mempunyai dua orang anak.

KEMASOKAN BUROH ASING AKAN DI-KAWAL KETAT

Tindakan Untok Menjamin Pekerjaan Anak Negeri

BANDAR BRUNEI. — Kemasokan buroh dari negeri asing ka-Brunei akan di-kawal lebeh ketat lagi supaya lapangan kerja bagi anak2 Brunei di-sharikat2 perusahaan dan perniagaan di-masa hadapan tidak semua-nya di-penohi oleh pekerja2 yang di-datang-kan dari luar.

Satu tindakan telah pun di-ranchangkan untok memberantas penganggoran yang telah mula di-dapati di-kalangan buroh tem-patan.

Di-bawah ranchangan itu kerajaan akan menarek balek dari-pada majikan dan sharikat2, kebenaran atau quota menggunakan buroh dari negeri2 asing jika mereka tidak memberi kerjasama da-lam tindakan mengurangkan penganggoran itu.

Dalam sa-puchok surat kapada majikan2 itu, Pesuroh Jaya Bu-roh Brunei, Tuan D. B. Petherick mendesak mereka supaya mem-beri kenyataan dari masa ka-masa tentang kerja yang tidak dapat di-penohi oleh buroh tempatan.

Surat itu juga meminta maji-kan memberi beberapa kenyataan sa-belum permohonan hendak membawa masuk buroh negeri asing atau melanjutkan kebenar-an tinggal sa-saorang buroh yang telah di-bawa masuk.

Di-antara kenyataan itu ia-lah keterangan berkenaan dengan usaha yang telah di-jalankan oleh sharikat2 perniagaan dan perusahaan di-Brunei untok memberi latehan kapada buroh tempatan.

Majikan2 ada-lah juga di-kehendaki menghantar tiap2 bulan senarai nama buroh tempatan dan buroh dari negeri asing dan memberi akuan bahawa buroh itu di-jamin insuren mendapat sagu hati jika terchedera pada masa menjalankan kewajipan.

Tuan Petherick menegaskan bahawa tindakan itu perlu di-ambil kerana bilangan anak2 Brunei yang berkehendakkan ker-ja makin lama makin ramai.

Penuntut2 yang tidak dapat bekerja dengan kerajaan akan terpaksa berpaling kapada shari-kat2 perusahaan dan perniagaan di-sini untok mendapatkan kerja.

"Jika kemasokan buroh dan kaki tangan sharikat2 itu tidak di-sekat penganggoran besar mungkin berlaku di-Brunei kera-na tidak semua penuntut2 yang di-keluarkan oleh sekolah2 dan kolej2 Brunei akan bekerja de-ngan kerajaan," kata Tuan Petherick.

Majikan2 itu ada-lah juga di-kehendaki memberi tahu Pejabat Pertukaran Buroh jenis2 kerja yang kosong pada awal tiap2 bu-lan supaya jawatan itu di-penohi, jika boleh oleh buroh tempatan yang telah mendaftarkan nama dengan pejabat itu.

Majikan2 yang melanggar Un-dang2 Buroh mungkin di-denda sa-hingga \$200 atau di-hukum penjara sa-hingga 3 bulan lama-nya. (Denda itu akan di-naik-kan kapada \$500 tidak lama lagi).

Lain2 kenyataan yang di-kehendaki daripada majikan ia-lah nama buroh asing dan negeri asal-nva dan berapa lama-kah mereka itu tidak balek ka-negeri mereka.

TARIAN NAGA YANG PERTAMA KALI DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Satu perarakan tarian naga yang hebat dan terbesar dari yang su-dah2 telah di-adakan oleh satu rombongan yang terdiri dari mu-rid2 sekolah China Chung Hwa Middle School di-sini kerana me-nyambut tahun baharu China yang telah berlangsung pada 8 February ini.

Naga itu telah di-tarikan da-lam perarakan melalui jalan2 raya oleh delapan atau sembilan orang murid2 sekolah itu. Sam-bil berarak dan menarikan naga itu orang2 yang mengikut dari belakang telah membakar mer-chun menambahkan lagi meriah-nya suasana perarakan itu.

Murid2 yang mengambil baha-gian itu telah di-lateh beberapa

hari sa-belum menjelang tahun baharu. Tarian yang di-pertun-jokkan dalam perayaan tahun2 sudah itu ia-lah tarian singa.

"Tarian singa tidak berapa meriah atau besar angkatan-nya seperti tarian naga," kata sa-orang juruchakap sekolah Chung Hwa.

Saperti tarian2 singa tarian na-ga itu telah juga di-ikuti dengan alat2 bunyian saperti tambor, se-runai dan lain2-nya. Dengan lenggak lenggok irama gendang itu-lah naga itu di-tarikan.

Oorang2 China di-sini telah menyambut tahun baharu mere-ka dengan meriah-nya saperti ta-hun2 sudah.

Di-sana sini di-mana sahaja di-dapati kedai2 atau rumah2

orang China, kanak2 dan orang2 dewas telah memasang merchun dan mengunjongi rumah kaum keluarga dan sahabat handai mereka.

AHLI BAHARU

Tuan H.W. Davidson, telah di-lantek bersama2 oleh Gabnor Sa-rawak dan Borneo Utara serta British Resident, Brunei menjadi ahli Lembaga Pesuroh Jaya Mata Wang, Malaya dan British Borneo mulai 19 January, 1959, menggantikan Tuan B.A. St. J. Hepburn.

Lantekan itu di-buat di-bawah Undang2 Mata Wang.

Pemandangan dalam tarian naga itu di-siankan pada muka 7.

PELAJARAN MELAYU DI-SEKOLAH CHINA

BANDAR BRUNEI. — Seko-lah China Chung Hwa Middle School Bandar Brunei telah me-ngambil keputusan hendak mem-beri pelajaran bahasa Melayu kapada murid2 darjah rendah sekolah itu mulai dari tahun ini.

Pengetua sekolah tersebut, Tuan Huang Chun Kun berkata bahawa bahasa Melayu sudah pun di-jadikan satu mata pela-jaran di-sekolah itu tetapi di-ajarkan kapada murid2 tahun li-ma ka-atas sahaja.

Untok mengajar bahasa Mela-yu kapada murid2 dalam darjah2 rendah beberapa buah buku Mela-yu telah di-beli.

Tuan Huang berkata bahawa murid2 sekolah itu sangat giat mempelajari bahasa Melayu. Me-reka itu berazam hendak bertur-tur dalam bahasa Melau saperti orang2 Melayu.

Sa-lanjut-nya Tuan Huang berkata bahawa bahasa Melayu di-pandang tinggi oleh pendu-dok2 China di-Brunei dan mu-rid2 sekolah China ada-lah di-galakkan mempelajari bahasa Melayu.

Pada masa ini guru2 yang me-ngajar bahasa Melayu di-sekolah tersebut ia-lah empat orang se-mua-nya. Mereka itu di-datang kan dari Pejabat Pelajaran Ne-geri Brunei.

"Bilangan ini mungkin di-tam-bah dalam tahun ini," kata Tuan Huang lagi.

Buta Huruf Halang Kemajuan

KAUM IBU DI-GALAKKAN BELAJAR MENULIS

BANDAR BRUNEI. — Kaum ibu negeri ini sangat memerlukan pelajaran untuk mengelakkan tuduhan2 bahawa bangsa kita maseh jauh tertinggal dari bangsa2 yang telah melangkah maju, kata "Kak Zai", nama samaran sa-orang guru sekolah Melayu perempuan di-sini kapada *Pelita Brunei*.

Kak Zai yang akan memberi pandangan-nya atas perkara2 yang mengenai kaum ibu dari masa ka-masa berpendapat bahawa kebanyakan kaum ibu tidak mahu mengambil kesempatan belajar menulis di-sekolah2 dewasa yang telah di-adakan oleh kerajaan untuk membasmikan buta huruf.

"Seruan dan himbauan Kerajaan itu hanya di-sambut oleh perpuluhan peratus sahaja oleh kaum ibu. Itu pun hanya sa-kerat jalan sahaja telah berhenti," kata Kak Zai.

Sa-lanjut-nya Kak Zai berkata bahawa buta huruf di-kalangan kaum ibu ada-lah satu soal yang besar kapada negeri2 yang mahu maju kerana sa-suatu seruan kerajaan itu tidak akan mendapat sambutan daripada kaum itu yang tidak tahu membaca atau menulis.

"Tetapi kalau yang kita seru itu telah chelek dan tahu akan faedah membaca pesti segala seruan itu akan mendapat sambutan, kalau tidak 100 peratus, 50 peratus tetap kita dapati.

"Sebab itu-lah kaum ibu kita yang telah sadar dan insaf bersungguh2 mendidik dan mengasah anak2 mereka supaya menyedari betapa besar-nya faedah pandai menulis dan membaca itu," kata Kak Zai.

Kak Zai telah mensifatkan pengetahuan membaca dan menulis itu seperti kaki atau suloh dalam perjalanan. Tentu-lah payah bagi kaum ibu itu hendak bergerak maju jika mereka buta huruf.

Kak Zai akhir-nya berseru agar kaum ibu berdaya upaya datang ka-sekolah2 dewasa supaya mereka tidak berasa kesal sa-lama2-nya kelak.

PARA PENGIRING

(Dari muka 3)

Kerajaan Brunei ini di-ambil sebelum rombongan tersebut berangkat dengan kapal ka-Seria. Dari kiri:— Pengiran Muda Hassanah Bolkihah, Pehin Orang Kaya Perbendaharaan Diraja, Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, Orang Kaya Sanggamara Diraja, Duli Pengiran Bendahara, putera Duli Pengiran Bendahara dan Pengiran Muda Chuchua Besar.

Gadis Brunei di Australia



Dari kiri : Puan Judith Fitton, ketua rombongan, Fatimah Pozan (Kuala Belait), Naimah Rozali (Tutong), Sarinah Limbang (Temburong) dan Rokiah Johari (Bandar Brunei).

TARIAN MELAYU DI-WAKTU JAMBORI PANDU PUTERI

Sa-lama berada di-Australia kerana hadir dalam jamboree pandu puteri seluruh dunia di-Melbourne, rombongan pandu puteri Negeri Brunei yang terdiri dari sembilan orang itu telah mengadakan pertunjukan tarian Melayu.

Di-Britannia Creek, lebih kurang 40 batu jauh-nya dari kota Melbourne mereka itu telah menari di-kadapan 1,000 orang ramai-nya.

Di-mana2 jua rombongan itu mengadakan tarian mereka telah memakai pakaian kebangsaan Melayu dari kain batek dan baju kebaya.

Rombongan itu telah juga memberi sharahan untuk memperkenalkan Negeri Brunei di-sekolah2 di-Australia dan memberi interview kapada sharikat2 film dan television.

Di-sini kelihatan lima orang termasuk ketua rombongan, Puan Judith Fitton, sedang memperdengarkan nyanyian Melayu di-atas pentas di-Britannia Creek.

BAHAN2 HIDANGAN NASI KUSA

Pelita Brunei akan memuatkan dalam ruangan ini peratoran masakan2 Melayu dari masa ka-masa. Bagi keluaran ini Puan Halimah Hussein dari Bandar Brunei telah berusaha menerangkan atoran memasak Nasi Kusa dan

Bahan2-nya : 1 lb. atau $\frac{3}{4}$ kati daging kambing di-chinchang, 2 kati timun China yang besar atau timun biasa yang besar, atau peria kalau suka, 7 ozs beras di-masak buat nasi, 1 tin tomato juice (tin kecil).

Satu biji telur ayam atau 2 biji kalau suka, 4 ulas bawang kecil, $\frac{1}{4}$ biji buah pala kering, $\frac{1}{2}$ chamcha lada puteh dan $\frac{1}{2}$ chamcha jintan manis.

Atoran memasak : Kupas kulit timun tipis, potong bulat anggaran 3 inchi dan korek isi timun itu tetapi jangan korek hingga

BERSARA DARI PERKHIDMATAN

BANDAR BRUNEI. — Kaki tangan Pejabat Talikoms, Brunei baharu2 ini meraikan Tuan Wong Shin On dan Tuan E. C. Janardanan yang akan bersara dari perkhidmatan kerajaan tidak lama lagi.

Tuan Wong telah bekerja lebih dari 30 tahun dan Tuan Janardanan enam tahun.

Ketua pejabat tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Mohamed dan lain2 rakan sa-jawat mereka telah memberi ucapan selamat dalam bersara kapada mereka itu.

berlubang supaya nasi tidak keluar apabila di-masak.

Pukul telur, taroh garam anggaran masin-nya dan champorkan dengan nasi tadi serta gaul.

Masokkan gaulan nasi itu kadalam timun yang sudah di-korek isi-nya dan atorkan timun itu kadalam periok, biar rapat supaya tidak terbalek. Kemudian kukus. Apabila sudah masak hendak di-makan sira tomato juice atas-nya. Makan sedang panas.

Ingatan : Jika hendak membuat lebih, tambahkan sahaja bahan2nya.

PERGERAKAN PEMUDI YANG TA'AT DAN BERJASA

Oleh Halimah Hussein

BANDAR BRUNEI. — Delapan orang gadis Brunei dari sekolah2 Inggeris negeri ini telah balek baharu2 ini ka-Brunei dari Kota Melbourne, Australia, setelah hadir dalam jamboree pandu puteri seluruh dunia di-kota itu sa-lama sa-bulan.

Rombongan pandu puteri Brunei ka-jamboree itu telah diketuai oleh Puan Judith Fitton, sa-orang pegawai pergerakan pandu puteri Negeri Brunei.

Sa-masa di-Australia gadis2 itu di-katakan telah mendapat pujian kerana masakan, tarian dan nyanyian Melayu mereka.

Gerakan pandu puteri itu telah di-tubuhkan oleh Lady Baden-Powell tidak lama sa-telah gerakan pengakap, ia-itu gerakan pemuda yang pertama di-dunia di-tubuhkan oleh suaminya Lord Baden Powell lebih kurang lima puluh tahun dahulu.

Lady Baden Powell berpendapat bahawa gerakan pemuda itu tidak akan lengkap jika tidak disertai oleh gerakan pemudi-nya.

Saperti gerakan pengakap pandu puteri juga mempunyai chogan. Bentuk chogan itu ia-lah tiga penjuru daun, alamat tiga perjanjian pandu puteri ia-itu :

◆ Ta'at kapada Allah, Raja dan Sultan,

◆ Menolong orang sa-tiap masa,

◆ Menurut undang2 pandu puteri.

Tiap2 sa-orang pandu puteri itu harus mempelajari perkara2 yang penting kapada diri sendiri dan juga berguna kapada orang lain.

Sa-bagai sa-orang pandu puteri pertolongan yang akan diberi itu tidak memilih bangsa atau ugama. Hinggakan kapada binatang2 pun sa-orang pandu puteri itu tidak harus menunjukan kebengisan kechuali jika terpaksa menentang serangan binatang itu.

Sa-lain dari memberi pertolongan pandu puteri hendak mempelajari urusan rumah tangga.

Ini meliputi masakan2, jahit menjahit, didekan keluarga rumah-nya dan menjaga kebersihan rumah tangga dan juga lain2 pelajaran yang berfaedah kapada bangsa dan negara.

Kebakaran di-kubor

KUALA BELAIT. — Belukar di-tanah perkuboran China di-batu dua Jalan Seria telah terbakar pada minggu lepas. Api itu telah melarat ka-tepi jalan tetapi telah di-padamkan oleh pasukan bomba Kuala Belait.

PADANG BARU BERJAYA DI-MIRI

MIRI. — Pasokan Bola Sepak Padang Baru Champoran, Bandar Brunei, telah mengalahkan Pasokan Bola Sepak Machinda Club, Lutong, Sarawak dengan 4 gol berbalas 1 dalam satu perlawanan sachara persahabatan di Padang Machinda Club pada petang hari Ahad 8 February, 1959.

Sabtu dan Awangku Radin telah menjaringkan satu gol sah-sah manakala Awangku Shariuddin telah menjaringkan 2 gol bagi pasokan dari Bandar Brunei.

Pasokan Bola Sepak Padang Baru Champoran itu telah diketuai oleh Awang Husin bin Pehin Orang Kaya Di-Gadag.

Ini-lah kali pertama perlawanan bola sepak sachara persahabatan di-antara pasokan2 tersebut di-dakan.

Pasokan Bola Sepak Machinda Club mungkin datang ka-Bandar Brunei pada hujung bulan February atau awal bulan March hadapan untuk melawan sa-kali lagi dengan Pasokan Bola Sepak Padang Baru Champoran.

Tentera Udara Tewaskan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Tentera Udara Diraja British, yang di-tempatkan di-Singapura telah mengalahkan Pasokan Champoran Bandar Brunei dalam satu perlawanan rugby dengan 39 mata berbalas 3 mata.

Perlawanan itu telah di-langsungkan di-Padang Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei pada petang hari Rabu 11 February, 1959.

Ramai penggemar2 permainan rugby bukan sahaja dari Bandar Brunei bahkan dari Seria dan Kuala Belait juga, telah menyaksikan pertandingan itu.

DERMA SEKOLAH

BANDAR BRUNEI. — Tabor derma sekolah China, Chung Hwa Middle School di-sini telah bertambah sa-banyak \$8,500 lebih kurang sa-telah satu rombongan murid2 sekolah itu mengadakan tarian naga tatkala menyambut tahun baharu China yang berlansong pada 8 haribulan ini.

Rombongan itu telah mengunjungi kedai dan rumah2 orang China di-bandar ini dan telah mendapat derma itu sa-bagai balasan kerana mempertunjukkan tarian mereka di-hadapan kedai dan rumah2 itu.

Tarian naga itu telah di-adakan sa-lama dua hari pada 8 dan 9 February dan telah di-sertai oleh letupan merchan yang di-bakar kerana menyambut kedatangan rombongan itu.

Rombongan itu telah mengutip \$6,000 pada hari pertama perayaan dan lebih kurang \$2,500 pada hari kedua.

LUMBA LARI EMPAT BATU

Perisai Sultan Jadi Rebutan

SERIA. — Lumba lari sa-jauh kira2 4 batu melalui hutan dan kampong2 ("Cross Country Run") akan di-adakan di-Seria pada hari Sabtu 7 March hadapan.

Ini-lah pertama kali perlumbaan itu di-adakan di-Seria semenjak tahun 1955. Pada masa yang lalu perlumbaan itu di-langsungkan di-Bandar Brunei.

Perlumbaan itu ia-lah kerana merebutkan perisai Duli Yang Maha Mulia. Perisai itu telah di-menangi oleh pasokan Sultan Omar Ali Saifuddin College semenjak empat tahun yang lalu.

Permohonan masuk bertanding dalam perlawanan tersebut hendaklah sampai kapada setiausaha yang kehormat, Brunei Amateur Athletic Association, Tuan M. V. Singham di-Seria untuk pasokan2 dari daerah Seria dan Kuala Belait, dan kapada Tuan Roy Fishenden, di-Pejabat Pelajaran, Bandar Brunei untuk pasokan2 dari Bandar Brunei, tidak lewat dari hari Ithnin 2 March, 1959.

Tiap2 pasokan hendaklah mengandungi 6 orang ahli. Perlumbaan itu ada-lah terbuka kapada persatuan2, sekolah2, maktab2 dan lain2 badan yang bergabung dengan Brunei Amateur Athletic Association.

Bayaran masuk bertanding ialah \$2 bagi tiap2 pasokan. Orang2 yang hendak masuk bertanding atas nama sendiri dapat juga mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut dengan bayaran 50 sen sa-orang, tetapi dengan syarat orang itu mesti-lah menjadi ahli salah satu persatuan atau badan yang bergabung dengan B. A. A. A. itu.

Tiap2 badan yang hendak mengambil bahagian dalam perlumbaan itu boleh-lah memasoki lebih dari satu pasokan dengan bayaran \$2 bagi tiap2 pasokan.

Tarikh perlumbaan melalui hutan dan kampong2 yang biasa di-adakan pada penghujung tiap2 tahun itu, telah di-ubah sa-bagaimana tersebut ia-lah kerana pehak penaja-nya berchadang hendak memberi peluang kapada pelumba2 di-Negeri ini mempunyai pengalaman untuk penyediaan bagi memasoki pertandingan2 sukan pada masa hadapan kelak.

Perlumbaan itu akan di-jalankan oleh Brunei Amateur Athletic Association sa-telah menerima nasihat daripada Tom Rosandich, sa-orang jurulatih sukan yang terkemuka di-Amerika Sharikat yang telah melawat ka-Negeri Brunei pada tahun yang lalu.

Pertandingan Sukan Brunei Dan Borneo

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Sukan sa-Negeri Brunei, di-bawah anjoran Brunei Amateur Athletic Association, akan di-langsungkan di-Seria pada bulan June hadapan.

Terlebeh dahulu akan di-langsungkan pertandingan sukan sekolah2 sa-negeri Brunei.

Pertandingan sukan antara Negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara pada tahun ini akan di-langsungkan di-Kuching, Sarawak pada 24 dan 25 July. Pertandingan itu telah di-langsungkan di-Bandar Brunei pada tahun 1958 dan di-Jesselton, Borneo Utara pada tahun 1957.

Lembaga Tawaran

Lembaga Tawaran Negeri Brunei, Bandar Brunei akan mengadakan meshuarat-nya pada tiap2 hari Thalatha pada pukul 2.00 petang.

TARIAN NAGA MENYAMBUT TAHUN BAHARU



Tarian Naga yang di-adakan oleh murid2 sekolah China, Chung Hwa Middle School, Bandar Brunei kerana merayakan tahun baharu China itu telah di-ikuti oleh kanak2 dan orang dewasa China di-seluruh bandar dan kawasan perumahan Bandar Brunei. "Naga" itu telah di-tarikan oleh delapan atau sembilan orang murid2 sekolah tersebut.

Perdana Menteri Letak Jawatan

TENGGU BERCHUTI DUA BULAN

DATO RAZAK PANGKU JAWATAN

KUALA LUMPUR. — Perdana Menteri dan Ketua Agong UMNO Malaya, Tengku Abdul Rahman telah mengumumkan dengan mengejut perletakan jawatan-nya sa-bagai Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu.

Perletakan jawatan itu akan berjalan kuatkuasa-nya mulai 15 April yang akan datang ini.

Tengku Abdul Rahman akan berchuti sa-lama dua bulan mulai dari hari Ahad lepas untuk berehat di-Alor Star dan dalam masa beliau berchuti, Timbalan Perdana Menteri, Dato Abdul Razak bin Hussein akan memangku jawatan Perdana Menteri.

Dato Abdul Razak akan menyandang jawatan penoh Perdana Menteri mulai 15 April manakala Tengku Abdul Rahman kembali dari chuti-nya.

Pengumuman tentang perletakan jawatan itu telah di-buat dalam persidangan agong khas UMNO di-sini yang telah di-adakan kerana membinchangkan hal itu.

Tengku Abdul Rahman telah menerangkan bahawa tujuan-nya meletakkan jawatan itu ia-lah untuk menumpukan seluruh tenaga-nya bagi mengemaskan UMNO bukan-nya dengan maksud hendak menghapuskan parti2 lain.

Tengku Abdul Rahman dan Dato Abdul Razak telah datang ka-Brunei dalam bulan September tahun lepas kerana hadir dalam istiadat pembukaan masjid baharu Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei.

Beliau telah mengadap Duli Yang Maha Mulia memohonkan

KONSUL AGONG AMERIKA LAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI — Konsul Agong Amerika Sharikat di-Singapura, Mr. Avery Frederick Peterson, dengan di-iringi oleh 12 orang yang lain, telah tiba di-lapangan terbang Berakas pada 11 February, 1959, dengan kapal terbang Amerika Sharikat.

Beliau telah di-sambut oleh Penolong Resident, Brunei, Mr. W. I. Glass.

Mr. Peterson dan rombongan-nya telah berlepas ka-Seria pada 12 February.

Di-Bandar Brunei rombongan itu telah melawat ka-Kampung Ayer masjid baharu Omar Ali Saifuddin, dan lain2 tempat.

pinjaman wang sa-banyak \$100 juta daripada Kerajaan Brunei.

Pinjaman itu telah di-luluskan dan dalam perundingan mu'tamad kerana menetapkan syarat2-nya Tengku telah mengustuskan Dato Abdul Razak ka-Brunei sa-bagai ketua rombongan Persekutuan Tanah Melayu.

Chendera Mata Kapada Queen

(Dari Muka 1)

Mulia memotong peta membuka Jambatan Edinburgh.

3.35 petang — Tiba di-Istana Darul Hana. Naubat Diraja, orang2 jawat dll bersedia. DYMM mengenalkan Raja Isteri dan putera-puteri baginda. Chendera mata kapada putera-puteri baginda, Prince of Wales dan Princess Anne disampaikan. Yang Teramat Mulia Duke akan santap teh dengan DYMM Sultan.

3.55 petang — Yang Teramat Mulia menaiki kereta Pesuruh Jaya Tinggi Brunei menuju ka-Residency.

4.00 petang — Tiba di-Residency.

4.45 petang — Majlis Garden Party di-Residency.

5.45 petang — Yang Teramat Mulia balek ka-Residency untuk berehat dan bersalin pakaian.

7.15 malam — DYMM Sultan dengan kapal "Bolkiah" tiba di-Tambatan Residency dan menjemput Yang Teramat Mulia Duke turun.

Kapal itu mudik perlahan2 dan berlaboh di-hadapan Ka-mpong Ayer. Permainan bunga api di-mulakan dari bukit yang berdekatan, perahu2 berhias dan kampung2 berchuchul. Minuman akan dihidangkan di-kapal.

8.00 malam — Rombongan Diraja mendarat di-Tambatan Besar dan memasoki kereta2. Di-jalan2 yang di-khaskan dengan perhiasan2 akan di-lalui oleh kereta2 Diraja itu.

8.15 malam — Rombongan Diraja tiba di-Istana dan menuju ka-Balai Indera Buana di-mana jemputan2 sudah sedia hadir.

8.30 malam — Jamuan Negara: Minuman selamat Baginda Queen oleh DYMM Sultan; DYMM Sultan oleh Yang Teramat Mulia Duke; Yang Teramat Mulia dan Kerabat Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan. Duli Yang Maha Mulia dalam memulakan minuman selamat memberi ucapan selamat datang. Yang Teramat Mulia menjawab.

Sa-lepas makan, pertunjukan2 di-halaman Istana di-mulakan, termasuklah tarian2 Melayu, main gasing dan lain2 permainan. Ini akan berakhir kira2 satu jam.

10.30 malam — Balek ka-Residency.

2.40 pagi — Bertolak dari Residency ka-Lapangan Terbang Brunei.

8.50 pagi — Yang Teramat Mulia Duke mengucapkan selamat berpisah kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi dan Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri.

8.55 pagi — Barisan kehormatan.

8.00 pagi — Berlepas.

RANCHANGAN MELAYU RADIO BRUNEI

RABU, 18 FEBRUARY

Siaran tengah hari

12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
12.32 Lagu2 Setambul dan Keronchong.
1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
1.05 Lagu2 hiburan.
1.30 Tamat.

Siaran Malam

7.00 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
7.01 Lagu2 hiburan.
7.15 Cherita pendek — Menyiarkan cherita2 yang di-terima dari pada pendengar2 — Penerbit: Jamil Abdullah.
7.30 "Tahniah dan Uchapan Selamat" — Di-terbit-kan oleh P. Muhamad.
8.00 Bintang Malam.
8.15 Ranchangan Kaum Ibu oleh Halimah Hussein.
8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
8.45 Hiboran.
9.00 Siaran Melayu Tamat.

KHAMIS, 19 FEBRUARY

Siaran tengah hari

12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
12.32 Lagu2 hiburan.
1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
1.05 Lagu2 Mesir.
1.30 Tamat.

Siaran Malam

7.00 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
7.01 Bachaan Koran.
7.30 Kasidah dan lagu2 Mesir.
8.00 Islam di-zaman Nabi2 satu renchana mengesahkan perkembangan Ugama Islam di-zaman Nabi2 di-terbitkan oleh Yusoff Haji Abd. Kadir.
8.15 Pelajaran Ugama di-Udara Che'gu Salleh.
8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
8.45 Hiboran.
9.00 Siaran Melayu Tamat.

JUMA'AT, 20 FEBRUARY

Siaran tengah hari

12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
12.32 Bachaan Koran dan Sharahan Ugama.
1.00 Sembahyang Juma'at di-Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin.
1.30 Tamat.

Siaran Malam

7.00 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
7.01 Hiboran.
7.15 Ranchangan Lawak Jenaka — mempedengarkan cheloteh dua orang ahli lawak, Aman Belon dan Osman Kamaruddin. Penerbit: Osman Kamaruddin.
7.30 Hiboran oleh Pancharagam tempatan (Ulangan).
8.00 Lagu2 Permintaan suka ramai oleh Dk. Intan.
8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
8.45 Irama Hawaiian oleh P. Muhamad.
9.00 Siaran Melayu Tamat.

SABTU, 21 FEBRUARY

Siaran tengah hari

12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
12.32 Lagu2 hiburan.
12.45 Lagu2 Irama baharu.
1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
7.01 "Majallah Radio" di-terbitkan oleh Jamil Abdullah.
7.30 Lagu2 Pilehan Sendiri sa-orang pendengar di-jemput datang ka-Studio kita untuk memilih lagu2 kesukaannya. Penerbit: Yusoff Haji Abd. Kadir.
8.30 Ruangan Kanak2 — di-terbitkan oleh Halimah Hussein.
8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
8.45 "Tidorlah Intan", Di-terbitkan oleh Jamil Abdullah.
9.00 Siaran Melayu Tamat.

AHAD, 22 FEBRUARY

Siaran tengah hari

12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
12.32 Hiboran oleh Murni Meloday Makers, K. Belait-dbp.
1.00 Harith Bungsu.
1.05 Warta berita tempatan dan luar negeri.
1.30 Lagu2 dari Film.
1.30 Cherita Pendek (Siaran Ulangan).
1.45 Ruangan Mana Suka.
2.00 Tamat.

Siaran Malam

7.00 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
7.01 Lagu2 Mesir, Penerbit: Yusoff Haji Abd. Kadir.
7.15 Ruangan Masa2kan, Penerbit: Halimah Hussein.
7.30 Lagu2 permintaan suka ramai oleh Dk. Intan.
8.15 Ruangan Bahasa dan Kesustraan, Penerbit: Jamil Abdullah.
8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
8.45 Hiboran.
9.00 Siaran Melayu Tamat.

ITHNIN, 23 FEBRUARY

Siaran tengah hari

7.00 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
7.01 Lagu2 hiburan.
7.15 Lagu2 Asli Brunei, Penerbit: Abu Bakar Ahmad.
7.45 Lagu2 yang berirama Amerika Selatan.
8.00 Sha'er Siti Zabedah Penggal 17, Penerbit: Yusoff Imbee.
8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
8.45 Irama Di-waktu malam.
9.00 Siaran Melayu Tamat.